


Forest Friends go to School



A very,
very sad
story.
(with a happy
ending!)

by Kathryn Warner



Ini ialah Puan Eloise. Dia
seorang guru di Sekolah
Hutan. Dia suka membaca
buku. Tapi, dia sangat sedih.
Anda ingin tahu kenapa dia
sedih?



Ada orang yang telah cuai
dalam menjaga buku ini!
Mereka telah menconteng buku
ini dengan pen dan krayon!




Dan lihatlah Encik Siput! Ada
yang telah menconteng
mukanya dengan pensel!



Eh apa tu? Adakah itu kesan tumpahan air coklat dia atas Bella si Rama-rama? Patutlah dia nampak sedih!




Hmm.. Nampaknya ada yang bermain lumpur sebelum membaca buku ini. Encik Kura-kura juga suka bermain lumpur. Tetapi, tidak semasa dia sedang membaca!



Pelekat, pelekat dimana-mana!
Malah, ia ada di atas si Ulat
Beluncas! Dan gam dan kertas
yang melekit-lekit!



Oh tidak! Lebih teruk, ada
yang cuai dan telah
mengoyakkan helaian ini!



Tapi lihat--- sekarang, rakan-rakan hutan kita sudah gembira kembali! Ini kerana, mereka tahu yang **ANDA** akan menjaga buku ini dengan baik dan **SEMUA** buku di dalam kelas.

Bolehkah anda fikirkan cara-cara untuk menjaga buku dengan baik?

Rabu

4 Ogos 2021

Cara-cara Menjaga Buku dengan Baik

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

